

Rabu, 27 November 2019 | 11:15am



Gambar fail, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen, menjawab soalan dari wakil media ketika persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

6,780 pelajar terima manfaat program Food Bank setakat ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan program Food Bank Siswa Malaysia yang dilancarkan Februari lalu, tidak membabitkan sebarang kos oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen, menjelaskan kementeriannya hanya bertindak sebagai pengelola program berkenaan.

"Pembabitan kementerian dalam program ini tidak membabitkan sebarang kos kerana kita hanya bertindak sebagai pengelola bagi memperluaskan lagi usaha menderma makanan kepada golongan yang memerlukan."

"Kita juga sudah berunding dengan pasar raya di bawah kawal selia KPDNHEP untuk melaksanakan dan menggalakkan mereka menderma makanan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (BN-Putrajaya) sama ada kerajaan ada membelanjakan sebarang kos bagi melaksanakan program berkenaan.

Menjawab soalan Muslimin Yahaya (PH-Sungai Besar) mengenai kejayaan Food Bank Siswa Malaysia, Chieng Jen berkata seramai 6,870 pelajar sudah menerima manfaat daripada program terbabit, setakat ini.

"Program Food Bank Siswa ini adalah inisiatif terhasil daripada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada 15 Februari lalu.

"Program ini hasil kerjasama antara penyumbang dan pihak universiti serta dilaksanakan melalui dua konsep iaitu 'Food Pantry' dan 'Food Kitchen'," katanya.

Setakat ini, program itu sudah dilancarkan di beberapa kampus universiti awam (UA), antaranya Universiti Teknologi MARA (UiTM) Permatang Pauh, Pulau Pinang; Kampus Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kuala Lumpur, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang dan terbaru hari ini, Universiti Malaya (UM).

